

Budak mati terkunci 9 jam dalam kereta

» *Bapa terlupa hantar mangsa ke TADIKA*

Oleh Nahar Tajri
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun mati selepas ditinggalkan hampir sembilan jam dalam kereta yang berkunci di tempat letak kereta Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Nerang, dekat sini semalam.

Muhammad Aqil Arfon Adnan, duduk di kerusi penumpang belakang kereta PERODUA Viva terbabit dan dikatakan tertidur ketika ditinggalkan bapanya, Adnan

Salleh, 40, ustaz di sekolah sama kira-kira jam 7.30 pagi. Adnan hanya menyedari kejadian itu kira-kira jam 4 petang setelah selesai bermesyuarat.

Mangsa disahkan meninggal dunia di Hospital Kuala Nerang sebelum dihantar ke Hospital Sultanah Bahiyah untuk tindakan lanjut.

Difahamkan, Adnan dan isteri, Asiah Abu, 30-an yang bertugas di SMK Datuk Syed Ahmad bersama mangsa, keluar dari rumah kira-kira jam 6.45 pagi, menuju tempat kerja isterinya dan kemudian ke SMK Kuala Nerang.

Saudara terdekat mereka, Soid Adam, 45, berkata Adnan mungkin terlupa mengenai anaknya kerana tidak mengikut rutin biasa, iaitu menghantar Muhammad Aqil terlebih dulu ke TADIKA sebelum menghantar Asiah ke SMK Datuk Syed Ahmad.



Soid mengangkat mayat Muhammad Aqil (gambar kecil) yang mati selepas ditinggalkan oleh bapanya di dalam kereta di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Nerang.

Terlupa hantar

"Tadi, mungkin dia terlupa anaknya ada dalam kereta kerana selalunya Muhammad Aqil yang dihantar dulu ke TADIKA sebelum dia menghantar isterinya ke tempat kerja," katanya ketika ditemui di Hospital Sultanah Bahiyah, di sini.

Adnan juga bertanggungjawab mengambil anaknya dari TADIKA terbabit sebaik selesai bertugas tanpa mengira masa. Jika selesai bertugas awal, dia akan terus ke

kelas prasekolah swasta itu menjemput Muhammad Aqil dan begitu juga sebaliknya.

Soid berkata, jarak antara sekolah tempat ibu bapa mangsa bertugas serta TADIKA berkenaan hanya dalam dalam lingkungan 500 meter dan selalunya tiga beranak itu menggunakan Jalan Pokok Sena.

"Bagaimanapun hari ini (semalam) dia mengambil Jalan Naka untuk ke Kuala Nerang berbanding biasa. Dia hantar isteri dulu

dan terlupa hantar anaknya. Biasanya dia hantar anak dulu, tapi tadi (semalam), dia hantar isteri dulu dan terus bergegas ke sekolah," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner Nashir Ya ketika dihubungi mengesahkan polis menerima laporan kejadian terbabit yang disiasat mengikut Seksyen 304 Kanun Keseksaan kerana menyebabkan kematian, namun enggan mengulas lanjut.